

# **PENDIDIKAN ISLAM MENURUT AL-NADWI: SATU ANALISIS\***

Oleh:  
**Muhammad 'Uthman El-Muhammady**

## **Abstract**

*The paper deals with al-Nadwi's thought on the concept of the Islamic education. This includes the importance of education based on the Quran, the Sunnah and other Islamic basic foundations. It also discusses about the concept of Islamic university and his view on modern sciences.*

Al-marhum maulana Sayyid Abū al-Hasan 'Alī al-Nadwī, atau 'Alī Mian, sebagaimana ia terkenal dengan gelaran mesra penuh kemuliaan ini di benua-kecil Indo-Pakistan merupakan seorang pemikir, ulama, pengarang, dan pemuka Islam yang sangat besar jasanya kepada umat ini dalam bidang usaha menghidupkan kembali roh keislaman dan keyakinan kepada kedudukannya sebagai umat terbaik yang dilahirkan untuk (faedah) umat manusia serta usaha akliyah, rohaniyah, moral dan budaya ke arah menghidupkan kembali peradaban Islam itu di dunia ini. Tidak syak lagi beliau mempunyai kedudukan antara orang besar umat ini dalam abad ini. Pemergian beliau ke rahmatullah baru-baru ini meninggalkan kita merupakan satu kehilangan tanpa tara yang sukar dicari gantinya. Moga-moga Allah mencurangkan RahmatNya yang Maha Luas ke atas rohnya. *Allahumma amin.*

Antara sekian banyak tulisannya, penulis kertas ini masih lagi terasa kesan mendalam pengaruh bukunya *Islam and The World* yang menjadi telahannya dalam tahun-tahun enam puluhan sebagai seorang penuntut. Maka pada kesempatan ini, dalam rangka mencatatkan terhutang budinya beliau kepada Maulana ini, penulis ini dengan penuh kerelaan menerima jemputan pihak pengajur seminar untuk berbicara sedikit sebanyak tentang konsep pendidikan

---

\* Artikel ini merupakan kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Pemikiran Sayyid Abu al-Hasan 'Alī al-Nadwī, anjuran Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang telah diadakan di Dewan al-Malik Faisal, Pusat Matrikulasi, Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Petaling Jaya, Selangor, pada 14 Mei 2000.

yang dikemukakan oleh beliau ini dalam melihat kepentingannya dalam membantu kita menghadapi tugas *khaira ummatin* dalam abad mencabar ini, walaupun beliau merasa dirinya bukan ‘arif dalam bidang yang dibicarakan ini.

## SEKILAS PANDANG TENTANG RIWAYAT HIDUPNYA<sup>1</sup>

Beliau putera ‘Abd al-Hayyi al-Hasani, dilahirkan pada bulan Muharram 1332H, di Ray Barely di India Utara, dalam kalangan keluarga yang sangat teguh beriman kepada tauhid, menjaga sunnah Nabi s.‘a.w dan menegakkannya dalam hidup serta menentang bid‘ah yang muncul dalam masyarakat.

Semenjak kecil lagi beliau mempelajari agama Islam dengan baik dan mendalam, kemudian beliau menuntut di Nadwatul ‘Ulamā’ di Lucknow dan juga menuntut dengan beberapa orang ulama besar yang terkemuka di Deoband dan Lahore.

Buku beliau yang pertama dalam Bahasa Arab tentang riwayat hidup Imam Ahmad Syahid dan ini diterbitkan oleh Syed Rasyid Ridha pada tahun 1931, ketika beliau berumur 16 tahun.

Kemudian beliau dilantik sebagai pensyarah ilmu tafsir dan sastera Arab di Ma‘ahad Dār al-‘Ulūm Nadwatul ‘Ulamā’, Lucknow buat beberapa tahun lamanya; beliau juga diangkat menjadi ketua redaksi majalah ilmiah *an-Nadwah*.

Pada tahun 1361H, beliau memberi ceramahnya berkenaan dengan tajuk “Agama dan Kemajuan” di Jami’ah Milliyah Islamiyyah - iaitu universiti Islam Miliyyah di India; kemudian beliau banyak mengarang buku-buku dalam Bahasa Arab terutamanya untuk para pelajar madrasah Islamiah, antaranya seperti kitabnya yang berjudul *Mukhtārāt min Adābil-‘Arab* yang banyak dipakai sebagai buku pegangan untuk universiti-universiti Islam di India dan juga di negeri-negeri Arab. Antaranya juga beliau mengarang kitab tentang riwayat hidup para nabi dan *Qirā’atul-Rashīdah* yang kedua-duanya merupakan bacaan yang sangat baik untuk anak-anak yang ingin belajar bahasa Arab.

Di Kota Lucknow beliau mendirikan institusi iaitu Islamic Research and Publications (Institut Penyelidikan Islam dan Penerbitan) pada tahun 1378H. Kegiatan beliau yang paling menonjol selain daripada penulisan ialah gerakan dakwah Islamiah di India. Demi untuk menjayakan dakwah itu beliau sering

<sup>1</sup> Antaranya lihat Sayyid Abū al-Hasan ‘Alī al-Nadwī, *Riwayat Hidup Rasulullah*, terj. Bey Arifin dan Yunus Muhdhar, Pustaka nasional Singapura, hlm. xxv-xxviii; *idem, Ke Arah Pendidikan Islam yang Tulin*, terj. Abdul Kader Kahar, Pustaka Ikhwan, Alor Star, Kedah, hlm. 4-8.

keluar negeri untuk menyampaikan kuliah-kuliahnya di negeri-negeri Arab, Eropah dan Amerika Syarikat.

Dalam tahun 1364H, beliau menulis kitabnya yang sangat terkenal di tengah-tengah dunia Islam yang berjudul *Mādhā Khasir al-‘Alam bi Inhitat al-Muslimin* (Apa Kerugian Dunia Dengan Mundurnya Umat Islam). Kitab tersebut diterbitkan di Mesir tahun 1369H/1950M, dan ianya dicetak ulang beberapa kali. Terjemahan Melayunya berjudul “*Apa Derita Dunia Bila Islam Mundur*” oleh H. Zubeir Ahmad, terbitan Media Dakwah (cetakan pertama Indonesia tahun 1983) dan - Thinkers Library (terbitan di Malaysia tahun 1986). Satu lagi terjemahan Indonesianya ialah yang berjudul “*Kerugian Apa Yang Diderita Dunia Akibat Kemerosotan Muslimin*” terjemahan Abu Laila dan Muhammad Tohir, terbitan Al-Maarif, Bandung dengan pendahuluan oleh al-marhum Syed Qutb dan Dr. Muhammad Yusuf Musa.

Pada tahun 1380H, beliau dilantik menjadi wakil Ma‘ahad Dār al-‘Ulūm Nadwatul ‘Ulamā’, kemudian dilantik lagi sebagai rektor Maahad itu sampai ke akhir hayatnya.

Tahun 1957M, beliau dilantik menjadi anggota Lembaga Ilmu Pengetahuan Arab di Kota Damaskus, selain itu beliau dilantik menjadi anggota Majlis Ta’sisi Rābiṭah al-‘Alam al-Islāmi di Makkah semenjak tahun 1380H / 1980M, beliau juga dilantik sebagai anggota Majlis A’la di Universiti Islam Madinah.

Semenjak tahun 1959 beliau dilantik sebagai Ketua Pendidikan Agama di seluruh Wilayah Utara India. Sampai sekarang hasil penulisannya sampai lebih enam puluh buah buku dalam Bahasa Arab dan Urdu. Naskhah Inggerisnya antaranya biasa diterjemahkan oleh Mohiuddin Ahmad dan Muhammad ‘Asif Qidwa’l.

## KEPENTINGAN PENDIDIKAN

Maulana Sayyid Abu al-Hasan ‘Ali Nadwi menyebut tentang kepentingan pendidikan ini dalam beberapa buah bukunya. Antaranya beliau menyebut tentang perkara itu dalam bukunya *Islam and The World*:<sup>2</sup>

“Susunan pendidikan Alam Islam mesti bentuk semula habis-habisan dalam suluhan cahaya cita-cita Islam dan ajaran-ajaranNya ... mempelajari dari negeri-negeri Barat apa yang maju terdepan dalam sains dan teknologi adalah satu perkara, tetapi apabila sahaja

<sup>2</sup> Terj. Muhammad ‘Asif Qidwa’l. 1961, Lahore, hlm. 193-194.

Muslimin melupai bahawa akar umbi kekuatan mereka berada dalam Islam dan mereka menjadi pengikut-pengikut khemah orang lain dari segi keintelektualannya, tenaga-tenaga kreatif mereka menjadi terhalang. Dalam zaman lampau kepimpinan intelektual Muslimin diterima di seluruh dunia. Budaya dan ilmu pengetahuan mereka berkembang dalam setiap bidang kehidupan manusia di seluruh dunia. Buat masa yang lama dunia terus menerus berfikir dalam cara Islam dan mendapat inspirasi daripada kehidupan cara Islam. Bahasa Arab menjadi bahasa ilmu pengetahuan di dunia Barat dan setiap pengarang terkenal menggunakan bahasa ini untuk melafazkan apa yang hendak dinyatakan ...”

Beliau meneruskan kenyataannya tentang bagaimana Barat mendatangkan banyak akibat-akibat yang merugikan Islam dan umatnya dalam sejarahnya. Kata beliau:

“Kemudian masa berubah, dan berlakulah kemenangan Barat mengatasi Muslimin. Ia membawa bersama-sama dengannya sikap baharu dalam hubungan dengan pengetahuan, yang merupakan hasil pengalaman dan keadaan budaya Barat sendiri. Dunia mula mengikut dengan membuta tuli struktur yang baharu itu. Dunia Islam juga, oleh kerana kemalasan mental (*mental sluggishness*) terpedaya dengan ilusi bahawa keselamatan dan kesejahteraan mereka hanya terletak pada sikap tunduk sebagai abdi kepada Barat dan sistem pendidikannya.”

“Dengan itu maka asaspun disediakan bukan sahaja untuk pendewaan intelektual tetapi juga peniruan (*imitation*) peradaban Barat oleh golongan intelektual Islam. Maka sikap skeptik dalam agama, takbur, rasa tidak puas hati (dengan agama) dan semua ciri-ciri lain cara hidup Barat mula secara beransur-ansur dan tetap menggantikan citacita mulia dan tinggi budaya di kalangan generasi Muslimin yang baharu muncul. Peradaban kerohanianan Islam mula secara sistematisnya digantikan dengan peradaban kebendaan Eropah.”

Beliau menyatakan bahawa syarat untuk mendapatkan kembali kepimpinan dunia ini adalah melalui pencapaian kedudukan teratas dari segi intelektual melebihi Barat. Kata beliau:

“Adalah paling penting sekali demi untuk mencapai kembali kedudukan kepimpinan dunia bagi Islam bahawa Muslimin mestilah menimbulkan kembali ketinggian intelektual mereka ke atas Barat. Untuk tujuan ini kebudayaan Islam mesti menegaskan dirinya

kembali. Usaha-usaha perjuangan yang gigih mesti dilakukan dalam semua bidang ilmu pengetahuan. Sudah tentu, ini bukannya kerja orang perseorangan ataupun beberapa pertubuhan. Lujnah-lujnah dan institusi-institusi yang bertenaga tinggi dengan segeranya hendaklah dibangunkan dengan tujuan untuk menyusun struktur pendidikan yang secara keseluruhannya mengikuti roh ajaran al-Quran dan Sunnah tanpa mencuaikan syarat-syarat pengajian moden dan penyelidikan saintifik. Ahli-ahli pendidikan dan Sains Islam hendaklah menggunakan kekuatan mereka sendiri dalam bidang pemikiran spekulatif (*speculative reasoning*) dalam hubungan dengan pembentangan sains empiris supaya mereka boleh menyelamatkan generasi-generasi mendatang Muslimin daripada menimbulkan perasaan benci terhadap zaman yang telah lalu sejarah mereka dan merasa putus harap dalam hubungan dengan masa depan mereka".<sup>3</sup>

Dalam bukunya *The Glory of Iqbal*<sup>4</sup> beliau menyebut beberapa kritikan al marhum Muhammad Iqbal dengan penuh persetujuan terhadap pendidikan moden.

Antaranya ialah bagaimana pendidikan moden:

- (1) telah mengabaikan pembangunan mental dan rohaniah generasi muda yang mengakibatkan timbulnya krisis moral di kalangan mereka;
- (2) dengan itu maka fikiran pemuda dan pemudi sekarang cerdas dan gemilang tetapi jiwa dan rohaninya gelap; kemerosotan rohaniah berlaku bergandingan dengan perkembangan mental yang cerdas;
- (3) bagaimana akibatnya juga timbul di kalangan mereka sifat tidak mengenali jati diri sendiri dan sikap tidak mempedulikan destinasi atau masa hadapan dan nasib mereka sebenarnya;
- (4) bagaimana mereka itu lebih dipengaruhi oleh ideologi-ideologi asing lebih daripada dipengaruhi oleh agama mereka sendiri;
- (5) bagaimana sifat kebendaan yang berlebihan di kalangan mereka dan juga sifat berlebihan dalam bergantung kepada pekerjaan sebagai matlamat pendidikan menyebabkan keruntuhan moral dan kerohanian mereka;
- (6) bagaimana timbulnya sikap mengambil peluang dan faedah kebendaan

<sup>3</sup> *Ibid*, hlm. 194.

<sup>4</sup> *The Glory of Iqbal*, terj. Inggeris oleh Muhammad 'Asif Qidwa'l, Academy of Islamic Research and Publication, Lucknow, 1973, hlm. 59-69.

yang sementara dalam sesuatu kegiatan (*undue expediency*) bersekali dengan budaya “artificial” dan hidup meniru-niru yang tidak wajar;

- (7) dengan itu pendidikan Barat moden menjadi alat penjajahan Barat ke atas Timur (kalau sekarang ini diperteguhkan lagi dengan seruan “Globalization” atau Globalisasi yang menjayakannya melalui ekonomi pasaran terbuka dan keadaan “dunia tanpa sempadan” dan “kampung global”);
- (8) bagaimana pendidikan Barat moden yang terbentuk dalam atheisme, atau sekurang-kurangnya dalam keadaan kerasaham mental dan kekalutan intelektual (*intellectual anarchy*) mengakibatkan timbulnya skeptisme, dan unsur-unsur rasionalisme dan pemikiran bebas di kalangan mereka yang terdidik di dalamnya;
- (9) bagaimana kejayaan saintifik dan faedah-faedahnya membolehkan manusia menguasai angkasa lepas dan terbang di angkasa tetapi menyebabkan ia terangkat daripada tempat berpijaknya dan memisahkanya daripada akar umbi rohaniahnya;
- (10) bagaimana pendidikan itu berkecenderungan untuk membataskan nilai dan martabat manusia dalam hubungan dengan mesin, industri, dan lain-lain manifestasi kemajuan kebendaan walaupun ia adalah “mutiara yang dikehendaki dari samudera seluruh penciptaan” dan “hasil penuaian dari ladang gandum kehidupan”;
- (11) bagaimana akibatnya pengertian ilmu dan kefahaman manusia menjadi cacat dan tercela tanpa rahmat Ilahi dan wahyu-Nya;
- (12) bagaimana dalam suasana pendidikan demikian setiap lintasan pemikiran yang tidak munasabah pun diangkat menjadi falsafah yang dihormati;
- (13) bagaimana sifat tergesa-gesa keinginan cepat dalam segala perkara di zaman teknologi ini menyebabkan kestabilan segala perkara menjadi musnah dan falsafah menjadi himpunan pemikiran yang inkoheren yang tidak menentu (*haphazard collection of incoherent ideas*);
- (14) bagaimana pendidikan demikian menggalakkan timbulnya sikap meniru-niru buta tamadun Barat yang menghilangkan semangat dan roh keaslian dan tindakan bebas merdeka, dengan itu generasi muda tidak ada kewujudan jati diri asli sebenarnya kerana ia menjadi bayangan bagi wujud Barat dengan kehidupan “*artificial*” yang diamalkannya;

- (15) dengan itu jiwa mereka dilitupi dukacita dan rasa bosan, bukan lagi dengan harap dan cita-cita tinggi dan murni.

Ini antaranya terbayang dalam bait-bait senandung Iqbal yang dikutip oleh al-Nadwi, antaranya:

Aku bangkit pergi dari madrasah dan khanqah  
di mana tidak ada di situ kehidupan dijayakan dan tidak pula  
cinta ilmu dan pandangan akal tajam.  
.....

Para ilmuan madrasah itu jahil dan tidak bermaya lagi  
Para darwish di Khanqah itu dangkal dan tidak bercita-cita tinggi lagi  
.....

Berhalal-halala zaman moden terpahat dalam sekolah-sekolah itu  
Tidak ada padanya sentuhan tangan Azar juga tidak ada padanya tarikan lagi  
.....

Sungutanku terhadap para pemimpin sekolah itu ialah ini:  
Kepada anak-anak helang sawah itu  
mereka mengajarkan ilmu  
Hidup terikat ke bumi.  
.....

Manusia-manusia di pusat pengajian itu telah menjerut lehermu;  
Dari mana lagi boleh datang seruan “*lā ilā ha illallāh*”?  
.....

Adakah madrasah itu memiliki keindahan pemikiran?  
Adakah terdapat di Khanqah itu keseronokan dengan rahsianya?  
.....

Adakah ini sahaja yang berupa seluruh harta kekayaan moden ini  
Pemikiran berbahaya, hati nan gundah gulana  
dan pandangan mata yang jahat?  
.....

Ah! Remaja berdarah panas di sekolah itu  
Mangsa lemah tidak bermaya dari sihir tamadun Barat.  
.....

Para remaja itu haus, piala mereka kosong tak berisi  
Pandangan lahir mereka berkilat, jiwanya gelap, fikirannya berbahaya

Tanpa pandangan rohani yang tajam, tanpa keyakinan, tanpa harapan  
Tidak ada apapun di dunia yang dipandang oleh matanya.

.....  
Orang-orang hampas itu, yang tidak setia kepada diri mereka sendiri  
yang mengabdi kepada orang lain

Tukang-tukang bina rumah berhala itu, membina dari tanah  
diri mereka sendiri, membikin batu-batanya.

Bagaimanapun Iqbal tidak putus harap, dan ini dicatitkan dengan penuh  
persetujuan oleh Sayyid Abu al-Hasan ‘Ali Nadwi. Dinukilkhan al-Nadwi bahawa  
Iqbal bersenandung:

Aku cintakan para pemuda yang  
Melemparkan jerat mereka untuk menangkap bintang-bintang

.....  
Kurniakanlah (O Tuhan) kepada para pemuda itu

Keluhanku sebelum subuh

Kepada anak-anak helang sewah itu sekali lagi kurniakanlah  
Bulu dan sayapnya!

Wahai Tuhan, hamba ada satu saja hasrat -

Kurniakanlah kepada semua nikmat pandangan tajamku!

Pandangan Iqbal tentang pendidikan Barat dijadikan satu bab khusus dalam  
buku beliau *Ke Arah Pendidikan Islam Yang Tulin*.<sup>5</sup>

Dalam buku tersebut, beliau menyenaraikan beberapa pandangan Iqbal dalam  
hubungan dengannya, antaranya ialah, sebagaimana yang disebutkan di atas  
dengan diberikan huraiyan yang agak terperinci tentang kecacatan-kecacatan  
pendidikan moden. Pengamatan-pengamatan itu masih benar dalam konteks  
sekarang.

## KEPERLUAN KINI

Dalam buku *Ke Arah Pendidikan Islam Yang Tulin*<sup>6</sup> beliau menyebut tentang  
keperluan kini kepada bentuk pendidikan yang benar-benar mengikut acuan Quran  
dan Sunnah yang mampu mempersiapkan generasi baharu untuk menjalankan

<sup>5</sup> Terj. Abdul Kader Kahar, Pustaka Ikhwan, Alor Star, cet. I, hlm. 37-54.

<sup>6</sup> *Ibid.*, hlm. 35-37.

tugas mereka dalam umat ini. Dalam hubungan dengan ini beliau menyebut kenyataan seorang pakar pengajian Islam di Amerika (Charles L. Gedder) dalam ceramahnya di Karachi pada tahun 1966.

“Bahawa Islam memiliki semua keutamaan-keutamaan yang memberikan kemampuan (kepadanya - pen.) untuk menyebarkan keamanan dan penyesuaian di seluruh dunia. Barat mengharapkan umat Islam yang membawa agama yang diturunkan oleh Allah ini, agama ini (yang) mempunyai masa lampau yang agung dan gemilang yang diharapkan akan membawa asas-asas hidup dan falsafahnya ke Barat dan dengan begitu mereka berupaya menyebarkan bendera-bendera kesejahteraan yang diharapkan bagi mereka pada dunia esok.”

Pada Abu al-Hasan hal ini tidak akan berlaku melainkan adanya usaha untuk melahirkan generasi terpelajar yang menghimpunkan dalam diri mereka akidah dan ilmu pengetahuan. Dan ini tidak berlaku tanpa adanya sistem pendidikan yang disusun sesuai dengan akidah dan peradaban Islam yang menggabungkan di dalamnya antara perasaan dan roh, api keimanan dan ilmu yang mendalam berserta dengan fikiran yang cerdas dan tajam. Ini disertai pula dengan pengetahuan tentang penerokaan-penerokaan ilmu pengetahuan yang terkini yang bermanfaat untuk umat manusia dan ini memerlukan sukanan pelajaran baharu dengan ilmu-ilmu yang diperlukan dalam satu markas di Timur. Ia memerlukan cara berfikir dan bertindak yang besar.

Beliau mengutip kata-kata al-marhum Badi'uzzaman al-Hamdani dengan penuh persetujuan, iaitu:

“Ianya adalah satu kejayaan yang bersinar dan di hadapannya kejayaan-kejayaan, para malaikat turut memuji bersama roh, dunia Islam akan melihat kepada seorang pejuang yang mengerjakan tugas-tugas yang akan menyelamatkan ummat ini.”<sup>7</sup>

## KEPERLUAN KEPADA SISTEM PENDIDIKAN YANG BAHARU

Dalam hubungan dengan keperluan umat kepada sistem pendidikan yang baharu, beliau membuat beberapa kenyataan yang menarik dalam buku tersebut.<sup>8</sup> Beliau menyatakan bahawa perlu dibentuk sistem pelajaran yang baharu yang bersesuaian dengan akidah Islam dan dasar-dasar hidupnya, tujuan-tujuan dan

<sup>7</sup> *Ibid.*, hlm. 36.

<sup>8</sup> *Ibid.*, hlm. 32.

kepentingan-kepentingannya, dan perlu dikeluarkan daripada sistem yang baharu itu roh kebendaan dan semangat menentang peraturan-peraturan Syariat Ilahi, dan dimasukkan ke dalam pendidikan bagi memulihkan akhlak manusia, perlu dibersihkan sistem itu daripada penyembahan terhadap benda, dan ditiupkan ke dalamnya roh takwa dan pengambilan insan kepada Allah dengan keyakinan kepada realiti alam akhirat dan kepekaan terhadap dasar kasihan belas antara sesama manusia seluruhnya.

Beliau menyatakan lagi bahawa perlu dibersihkan daripada sistem yang baharu itu pemikiran Barat yang tidak wajar dalam hubungan dengan disiplin-disiplin ilmu bahasa, sastera, falsafah, ilmu jiwa, ilmu pembangunan ekonomi dan politik. Semua disiplin-disiplin ilmu ini dikuasai dan diletakkan di bawah roh ilmu-ilmu yang membentras pengaruh Barat terhadap pemikiran umat dan apa yang menentang kepimpinan Islam dan ketuanannya.

Beliau berpendapat dalam buku itu bahawa segala ilmu-ilmu Barat dan teori-teorinya dijadikan sebagai tajuk-tajuk yang dipelajari dan dikaji secara bersungguh-sungguh dengan diterangkan kepada para pelajar Islam mengapa ia berupa satu kesalahan dan bagaimana ia boleh menguasai manusia dan peradabannya. Ilmu-ilmu itu semua hendaklah diletakkan dalam pusat kajian dan dipelajari dengan penuh keberanian dan kebebasan ilmiah. Ia hendaklah dipandang sebagai "bahan mentah" yang boleh kita olah mengikut keyakinan akidah dan budaya kita.

Beliau mengakui ini tugas yang berat dan memerlukan masa, tetapi ia perlu dilaksanakan kalau tidak ia terus menerus akan meracuni umat yang mengancam kewujudan dan keselamatan mereka.

Natijah yang diberikan penekanan dalam sistem yang baharu itu ialah untuk menimbulkan semangat, pengorbanan, keikhlasan dan kesetiaan mereka yang menjadi asas bagi menegakkan kedaulatan negeri Islam dan membebaskan mana-mana negeri yang terjajah (kalau ada) supaya mereka tidak diseret oleh Barat tanpa disedari.

Beliau menyebut sebagai pengajaran bagaimana rahsianya Inggeris telah berjaya di India, misalnya dengan meneruskan pengwujudan ketua-ketua, pegawai-pegawai tinggi dan hakim-hakim yang terdidik dengan pendidikan Barat (Inggeris) tulen yang cukup setia dan taat kepada sistem mereka. Mereka berjaya memaksakan sistem mereka ke atas negeri itu selama beratus-ratus tahun walaupun selepas penjajah itu sudah keluar dari negeri itu. Maka kata beliau, demikian pula, untuk mengubah negeri-negeri Islam dari keadaan yang terbiar dengan unsur-unsur kebaratan mereka, perlu diadakan usaha untuk kembali

semula kepada kebenaran-kebenaran Islam dan cara hidupnya melalui pengajaran dan pendidikan Islam terhadap generasi muda Muslimin. Dengan perubahan menyeluruh sahaja boleh kita jayakan pendidikan yang sewajarnya bagi mengembalikan identiti ummah ini selayaknya.

Kita boleh membuat pengamatan tentang pendapat beliau yang berharga itu dengan memberi perhatian kepada beberapa isu yang dibangkitkannya.

**Pertamanya**, tentang beberapa unsur yang negatif yang parah yang ada dalam pendidikan moden berdasarkan kepada pengamatan-pengamatan Iqbal dalam bidang rohani, intelektual, moral dan budaya serta krisis identiti diri, itu semua adalah pengamatan-pengamatan yang sahih dan benar. Dan kita boleh melihat akibat-akibat yang sedemikian masih berterusan sampai sekarang. Bahkan dengan unsur-unsur yang semakin bertambah daripada beberapa dekad awal abad ini. Sudah tentu kita tidak mahu perkara ini berterusan dalam negeri-negeri Islam apa lagi kalau ia menjadi semakin buruk dan parah.

**Keduanya**, tentang keperluan mengadakan perubahan besar-besaran dan menyeluruh. Ini juga satu keperluan yang boleh diterima oleh orang-orang yang ada keperihatinan dan kepekaan dalam bidang ini. Dan ia dipersetujui tanpa perbahasan yang panjang yang perlu ditelitikan lagi dengan halusnya ialah modus operandinya secara yang amali yang boleh dilaksanakan dalam realiti yang ada di hadapan mata kita sekarang.

**Ketiganya**, berkenaan dengan mengambil subjek-subjek moden dan huraiannya mengikut faham ilmu atau epistemologi kita dan pandangan hidup kita (mengikut *world view* dan *epistemologi* kita) itu adalah suatu program yang wajar dan mesti dilaksanakan, seperti pengislaman ilmu-ilmu atau *Islamization of Knowledge* sepertimana yang pernah dibicarakan oleh al-marhum Prof Isma'il al-Faruqi sebagaimana yang terkandung dalam bukunya dengan judul yang sedemikian itu.

**Keempatnya**, tentu dalam proses itu fakta-fakta yang objektif dalam sains, teknologi dan data-data lain yang bebas nilai (*value free*) kekal dengan kedudukannya. Yang berlainan ialah perspektif falsafah dan latar belakang serta cara penafsirannya.

**Kelimanya**, berkenaan dengan pembentukan ciri-ciri taqwa, semangat jihad dan pengorbanan, serta sikap berani dengan kebenaran – itu semua perlu dibentuk dengan adanya suasana yang salah dalam tempat pendidikan selain daripada matapelajarannya dan sifat-sifat gurunya yang akan dibicarakan pada tempat sewajarnya. Ertinya dalam sistem yang baharu itu amalan-amalan akhlak dan rohaniah yang dituntut, selain daripada kecemerlangan intelektual dan akademik

adalah perkara-perkara yang diambil kira dalam pembentukan peribadi dan pemikiran para pelajar, bukan hanya persijilan secara biasa yang biasa dilakukan.

## MENDIRIKAN UNIVERSITI-UNIVERSITI ISLAM

Pada beliau matlamat universiti Islam ialah mengeluarkan para pendakwah kepada jalan Allah, para pekerja untuk dakwah yang mempunyai fahaman yang mendalam dan pandangan yang jauh. Ia memerlukan persiapan ilmu dan pengetahuan agama yang matang, yang mempunyai kepekaan dan keperihatinan yang membolehkannya meneliti perkembangan terbaru di zaman moden ini. Berbekalkan keimanan yang teguh dan mendalam para da'i berusaha untuk meneruskan kelangsungan risalah ajaran Islam dan perlaksanaannya bagi semua zaman dan tempat, dengan keyakinan Baginda s.a.w adalah *khātamin-nabīyīn*, yang berupa penyinar jalan kehidupan dan pemimpin untuk seluruh umat manusia, yang datang sebagai "rahmat untuk sekalian alam" (*rahmatan lil-'ālamīn*). Maka keseluruhan universiti Islam itu adalah untuk tujuan ini dengan persiapan teks-teksnya, peraturan-peraturan di dalamnya, nilai-nilainya dan semua proses kerja di dalamnya. Ini akan berupa pembaharuan yang amat besar yang dihajati oleh umat ini.

## BAHAN-BAHAN PENDIDIKAN ASASI

Antara bahan-bahan asasi yang diperlukan dalam pendidikan ini ialah Quran, Sunnah dan Sirah Nabi s.a.w.

Quran yang merupakan mukjizat yang berupa kebenaran yang kekal abadi mestи dipelajari dan difahami isi kandungannya, dan ia dijadikan anak kunci pengetahuan dalam erti yang sebenarnya dengan pelbagai pentarafannya. Beriman dengannya ialah beriman dengan seluruh diri dan hati dengan keyakinan yang tidak berganjak, yang datang daripada kefahaman yang jernih dan mendalam. Quranlah yang menjadi panduan dalam mentauhidkan Allah dengan Sifat-SifatNya yang Sempurna, dalam meyakini alam ghaib dan akhirat dan dalam beriman kepada dasar-dasar keimanannya. Dengan Quran terdapat panduan tentang hidup dalam pengabdian kepada Tuhan dan dalam melaksanakan ciri-ciri akhlak yang utama dan universal. Dengannya juga difahami kehidupan berdasarkan kepada peraturan-peraturan Syariat Ilahi yang mencakupi seluruh bidang kehidupan manusia. Ia menjadi panduan bagi menjalankan gerak-kerja dakwah Islamiah dalam masyarakat.

Selepas daripada Quran, Sunnah menjadi punca kedua keimanan dan

penghayatan Islam; melalui Sunnah para pelajar diajar untuk mengatur kehidupannya mengikut aturan-aturan dan norma yang ada di dalamnya yang berpunca daripada insan yang sempurna yang menjadi rahmat untuk seluruh alam dan contoh kesempurnaan manusia sejagat. Tuntutan diri dalam ibadat, akhlak dan pergaulan masyarakat terdapat di dalamnya dengan cara yang sebaiknya. Ini adalah selain daripada penelitian secara teknikal berkenaan dengan hadith sebagai disiplin ilmu dalam rangka ilmu-ilmu Ahli Sunnah wal Jamaah. Dalam hubungan dengan ini juga perlu diwaspadai pendapat-pendapat orientalis yang terseleweng daripada apa yang sebenarnya. Dalam melihat Sunnah ini, perselisihan mazhab hendaklah ditangani dengan semangat *adāb ikhtilāf* demi untuk menyatupadukan bukan untuk mengapi-apikan perselisihan dalam perkara-perkara furū'iyyah.

Ketiganya ialah Sirah Nabawiyah yang perlu dimasukkan ke dalam sukanan pendidikan yang dikehendaki itu. Pengajaran sirah hendaklah dijalankan dengan sebeginu rupa sehingga terasa oleh para pelajar bahawa mereka hidup bersama-sama dengan Rasulullah s.a.w dan para Sahabatnya, Allah meredhai mereka semuanya. Antara bahannya ialah *Sirah Ibn Hishām* yang boleh dijadikan panduan dalam menangani bidang ini. Dengan berdasarkan kepada teks-teks seperti ini dan yang lainnya yang membantu dalam menyampaikan ilmu ini ke dalam pendidikan, maka dijayakanlah usaha meniupkan kesedaran dan penghayatan Islam mengikut contoh peribadi yang paling unggul dalam seluruh sejarah umat manusia. Persoalan-persoalan yang dibawa oleh para sarjana Barat perlu ditangani dengan cara yang berkesan dan menyakinkan supaya tidak timbul rasa syak dan ragu tentang bidang ini oleh pelajar.

Dalam hubungan dengan kefahaman hikmah *tashrī'* maka elok dan berfaedah diberi pendedahan kepada para pelajar terhadap falsafah dan *tārikh tashrī'* secara sepadu, supaya ketaatan kepada syariat di kalangan para pelajar berlaku dalam suasana berdasarkan kepada kefahaman yang wajar dan bukan kepada taklid semata yang membawa kepada kefanatikan mazhab yang jauh daripada wajar. Ini antaranya ditangani dengan baik oleh Syah Waliyu'Llah al-Dihlawi dengan kitabnya *Hujjatu'Llah al-Bālighah* (selain daripada Imam al-Ghazālī dengan *al-Iḥyā'*nya dan al-'Izz ibn 'Abd al-Salām dengan *Qawā'id al-Aḥkāmnyā* - p.). Dengan sikap mengambil kira peredaran zaman dan perkara-perkara yang positif di dalamnya, maka dibicarakan panduan hukum dengan maksud-maksud dan hikmat-hikmatnya yang mencakupi masalah seluruh ilmu dan kehidupan.

Yang satu laginya ialah ilmu *fiqh* dan *uṣūl al-fiqh* itu sendiri. Beliau berpendapat bahawa dalam hubungan dengan disiplin ini kitab-kitab yang muktabar yang mewakili mazhab-mazhab yang diakui itu perlu dipelajari supaya dengan itu maka pelajar universiti Islam itu keluar menjadi ahli-ahli ilmu yang

mengetahui mazhabnya dengan mendalam dan juga kelainan-kelainan faham dalam mazhab dengan pandangan yang simpatik dan bukan penuh dengan rasa kefanatikan dan pemusuhan.

Beliau juga menghendaki supaya sastera Arab dipelajari dengan baik oleh para pelajar kerana ia membantu dalam membina persiapan ilmu dan jiwa para ahli ilmu dan da'i; penggunaan bahasa Arab yang baik dalam percakapan dan penulisan banyak membantu dalam mempersiapkan para da'i dan ilmuwan dalam Islam. Kemahiran penulisan yang baik dan percakapan yang fasih perlu dibentuk demi untuk menjayakan pengembangan agama Islam dan dakwahnya. Kemahiran mencipta sastera yang baik selain daripada mempelajarinya dengan baik juga diperlukan demi untuk menggantikan sastera yang banyak sifat-sifat negatifnya dengan ciri-ciri sastera yang baik sesuai dengan Quran dan Sunnah. Beliau menyebut bagaimana ramai para da'i kurang bermaya dalam dakwah mereka kerana kurang kemampuan menyampaikan mesej dakwah mereka dengan bahasa yang menarik dan menawan dalam penulisan dan percakapan.<sup>9</sup>

### **ILMU-ILMU AKADEMIK MODEN DAN BADAN ILMIAH YANG BERWIBAWA**

Para pelajar dalam universiti-universiti Islam pada beliau perlu juga mendapat pendedahan yang wajar dalam ilmu-ilmu akademik moden seperti ekonomi, politik, sebahagian yang wajar daripada ilmu sains, geografi dan sejarah. Antara imam-imam yang menonjol dalam penguasaan ilmu-ilmu akliah yang ada di zaman mereka masing-masing ialah Imam al-Ghazālī dan Ibn Taimiyah. Beliau menyebut bahawa kalaupun para siswazah universiti Islam tidak sampai ke tahap seperti Imam al-Ghazali dalam penguasaan ilmu-ilmu akli; sekurang-kurangnya mereka itu berkemampuan seperti padri-padri Kristian yang mendapat pengetahuan untuk seruan agama mereka di pusat pengajian dan latihan mereka di Vatican, Rom. Beliau menyatakan bahawa orang-orang yang tidak mempunyai ilmu dan tidak melebihi taraf ilmunya atas umum ahli masyarakatnya tidak mampu melaksanakan tugasnya dengan berkesan dan ia tidak akan bahagia dan mulia dalam masyarakatnya.

Pendapat beliau berkenaan dengan keperluan penguasaan ilmu-ilmu asas Islam tentang Quran, Sunnah, Sirah, Fiqh, Uṣūl al-Fiqh, Sejarah dan Falsafah Tashrī' dengan baik adalah pendapat yang paling kuat hujahnya dan tidak perlu dilakukan ialah bagaimana hendaklah menyusun pendidikan itu supaya penguasaan ke atas ilmu-ilmu itu berjalan dengan baik dan berkesan dalam kadar

<sup>9</sup> *Ibid.*, hlm. 61.

masa pengajian yang ditentukan beberapa tahun untuk ijazah sarjana muda, sarjana penuh dan peringkat kedoktoran dan pengajian lanjutan pasca-doktoral. Tentang pengajian-pengajian itu elok ditambahkan bahawa ilmu *Uṣūl al-Dīn* klasik juga perlu dikuasai berdasarkan kepada teks-teks muktabar Sunninya dan juga perlu ditambah dengan kefahaman terhadap pemikiran moden dan pasca-modenisme serta kritikan-kritikan yang serius terhadapnya.

Pendapatnya tentang pendedahan yang baik dalam sastera Arab yang melibatkan pula latihan penulisan dan penggunaan bahasa percakapan yang fasih juga merupakan pendapat yang perlu diberikan perhatian yang serius dan dilaksanakan program bagi manjayakannya. Dalam suasana sekarang, kalau berbicara tentang negara kita kemahiran dalam bahasa Melayu dan Inggeris bahkan bahasa Cina juga diperlukan demi untuk menjayakan dakwah dalam rangka yang lebih luas.

Pendapatnya tentang keperluan menggantikan sastera yang banyak ciri-ciri negatifnya dengan sastera Islam dan Arab yang mempunyai ciri-ciri yang baik dan bermanfaat sesuai dengan ajaran Quran dan Sunnah perlu mendapat perhatian dan menjemput tindakan yang berkesan dan langkah-langkah amali ke arah perlaksanaannya.

Pendapatnya tentang keperluan kepada pendedahan tentang disiplin-disiplin ilmu moden kepada para pelajar dan siswazah universiti Islam adalah pendapat yang baik dan berguna. Bahkan diperlukan demi untuk mengeluarkan para da'i yang berfungsi dengan berkesan dalam bidang mereka. Yang diperlukan ialah bagaimana hendak diambil langkah-langkah menyusun subjek-subjek itu dalam kurikulum dan amali dan membahagi-bahagikan masa pengajian sesuai dengan beberapa tahun pengajian yang ditentukan. Serentak dengan itu perlu ditimbulkan keperluan memberi pendedahan tentang ilmu-ilmu itu sesuai dengan epistemologi Islam Sunni supaya perspektifnya tidak bercanggah dengan Islam. Ini sudah tentunya dengan mengambil kira fakta-fakta yang bebas nilai yang keadaannya tidak berubah-ubah dalam mana-mana budaya sekalipun seperti  $H_2O$  dalam hubungan dengan hakikat air dan  $e=mc^2$  dalam hubungan dengan tenaga.

Dalam hubungan dengan keperluan kepada badan ilmiah yang berwibawa beliau menyatakan pendapatnya bahawa perlu sekali ada dalam umat ini badan ilmiah yang menyusun kitab-kitab dan buku-buku dalam ilmu-ilmu yang diperlukan dengan membukukan hasil-hasil kajian dan rujukan yang telah dilakukan dengan teliti dan bersungguh-sungguh demi untuk menanam dan menguatkan akidah Islam. Di samping menjayakan pemaduan dan hubungan rapat serta mesra antara ilmu pengetahuan dan agama. Beliau menyatakan pendapatnya bagaimana negeri-negeri Islam telah kehilangan kemampuan untuk mengeluarkan

bahan-bahan kajian ilmiah yang sangat diperlukan oleh masyarakat dan generasi kita yang baru.<sup>10</sup>

Beliau menyatakan bahawa itulah sebenarnya yang boleh menjauhkan daripada adanya pertentangan antara agama dan ilmu pengetahuan yang sebenarnya memang tidak ada dalam Islam. Berlainan keadaannya yang telah berlaku di Barat yang memang menunjukkan beberapa kali pertentangan antara agama dan pengetahuan dan sains. Beliau menyatakan bahawa dengan diadakan penyelidikan dan penerbitan berdasarkan kajian-kajian akan berkuranglah penentangan terhadap agama. Dalam hubungan dengan program demikian ini beliau menaruh kepercayaan bahawa ahli-ahli ilmiah umat ini boleh melakukan usaha ini bila mereka benar-benar mahu mengisi kekosongan yang sangat menonjol ini dalam pelbagai bidang pengetahuan dengan pakar-pakarnya yang ada sekarang.

Tentang badan ilmiah ini memang ia sesuatu yang sangat-sangat diperlukan. Badan-badan ilmiah di kalangan muslimin di dunia sekarang ini sepatutnya mengadakan jaringan yang synergistik demi menjayakan program-program yang melewati sempadan negara untuk menguatkan umat dan identitinya dalam dunia global yang penuh cabaran ini.

Dalam hubungan dengan persiapan dalam bidang keilmuan ini kita boleh menambahkan sokongan kita terhadap pendapat-pendapat maulana ini dengan menyebutkan keperluan umat Islam dan para ilmuannya menguasai bidang IT (teknologi maklumat) dengan baik demi untuk menjayakan budaya ilmu yang cergas dan berkesan. Buat masa sekarang sekurang-kurangnya software yang bersifat Islam dengan mesej dan dakwahnya perlu diperbanyakkan demi menjayakan penyebaran Islam dan pengajarannya, serta nilai-nilai dan ciri-ciri peradaban *Khaira Ummatin* di mata dunia. Ini ialah selain daripada keperluan memperbanyakkan laman Web Islam yang ada dengan pelbagai isinya, bermula daripada pokok dan asas sampailah kepada persoalan intelektual dan rohaniah serta moral pada tahap akademik yang paling tinggi. Kita mahu melihat kehadiran umat terbaik ini dalam dunia siber secara berkesan.

---

<sup>10</sup> Dalam hubungan dengan sains dan penyelidikannya maklumat terkini menyatakan bahawa kadar penyelidikan saintifik di negeri-negeri Arab terlalu kurang berbanding dengan negeri seperti Amerika Syarikat, sebagaimana yang dinyatakan dalam persidangan ahli-ahli sains di negeri Teluk baru belum sampai sebulan ini.

## PARA GURU MURABBI YANG BERIMAN DAN BERKALIBER

Antara yang dibicarakan oleh maulana ini dalam hubungan dengan persoalan pendidikan ialah isu-isu guru yang berkaliber dan beriman kental. Pada pendapat beliau kalau lahir kita banyak kehilangan peluang keemasan pada masa lampau dengan beberapa keterlanjuran kita dalam banyak perkara, maka sekarang kita boleh mengatasi masalah itu dengan para guru kita menghimpunkan mata-mata pelajaran yang menjadi asas akidah yang membolehkan seseorang itu tunduk kepada kebenaran keagamaan yang kekal abadi dengan mata pelajaran moden yang berfaedah. Mereka yang menjalankan tugas itu adalah mereka yang boleh memisahkan antara kulit dengan isi, antara yang benar dengan yang palsu dan pemikiran yang berupa teori-teori mentah atau separuh masak dengan pemikiran yang matang dan teruji, orang-orang yang tidak terkeliru dengan pengakuan-pengakuan tanpa bukti dan dalil. Bahkan mereka merupakan orang-orang yang sentiasa berpegang kepada hasil kajian yang objektif.

Beliau menyatakan bahawa anak kunci bagi universiti yang diidamkan ini ialah keberadaan para guru yang menghimpunkan dalam peribadi mereka keimanan yang kuat dengan ilmu pengetahuan yang luas dan mendalam beserta dengan kepimpinan yang baik dengan pelajaran yang luas jangkauan ilmiahnya yang menggabungkan antara yang lama dan yang baru dan mereka memahami semangat masa kini. Mereka juga hendaklah orang-orang yang memahami tindakan-tindakan para pemuda dan pemudi serta gelora jiwa mereka serta penuh kefahaman dan simpati mencari jalan untuk menyelesaikan masalah mereka dengan pengajaran kasih sayang sesama mereka (*ruhamā' bainahum*).

Tafakur beliau tentang keperibadian para guru mengingatkan penulis kepada ciri-ciri jati diri guru yang beliau huraikan hampir 20 tahun lalu dalam suatu persidangan antarabangsa anjuran CAP, di mana beliau memberi huraian tentang guru dan proses pendidikan dalam sejarah dan ajaran Islam sebagaimana yang terkandung dalam pengertian yang mendalam atas istilah *mu'allim* iaitu sebagai guru mahir, ahli ilmu yang menjayakan proses pengilmuan sebenarnya secara bertanggungjawab dan berkesan; istilah *murabbi* sebagai penonton diri dan perkembangan ilmu, rohani dan moral pelajar tahap demi tahap sampailah kepada kesempurnaan tujuan kejadiannya sebagai insan; istilah *murshid* sebagai penonton jalan hidup yang benar dan betul dengan nilai, sikap dan profesi sebagai hamba Allah dan KhalifahNya di muka bumi; manakala istilah *mu'addib* yang melaksanakan pendidikan adab dan pengertian yang luas dan mendalam dalam peribadi dan kehidupan murid. Dengan itu, timbulah natijah pendidikan menjadikan para murid insan yang paling beradab dan bermoral sebenarnya. Akhirnya sebagai *mudarris* yang paling mahir dalam ilmunya dan paling cekap

serta berkesan mengajar mata pelajaran kepada murid sampai murid menjadi pelajar yang berjaya dan gemilang dalam pendidikannya.<sup>11</sup>

Maka perlu diperjuangkan dengan berkesan supaya keberadaan para guru sebagai *mu'allim*, *murabbi*, *mu'addib*, *murshid* dan *mudarris* dalam pengertian yang paling mendalam seperti yang dimaksudkan dalam tradisi Islam itu menjadi nyata di kalangan kita.

---

<sup>11</sup> Lihat buku *Islam, Peribadi, Tarbiah dan Institusi*, Kota Bharu, Kelantan, hlm. 146-150 di mana pertama kali diuraikan lima istilah itu secara tersusun.